

DRAF UCAPAN

Y.BHG. DATO' HAJAH ROSNANI IBARAHIM

DI

**BENGKEL PENARAFAN BANDAR LESTARI – ANUGERAH ALAM SEKITAR
5-NOVEMBER (8.30 PAGI)
HOTEL CRYSTAL CROWN, PETALING JAYA**

Y. Bhg. Datin Arpah Binti Abdul Razak
Ketua Pengarah
Jabatan Kerajaan Tempatan

Pegawai-Pegawai Kanan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Alam Sekitar &
Jabatan Kerajaan Tempatan

Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Assalamualaikum dan Selamat Pagi.

Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengaNYa kita dapat bersama-sama pada pagi ini untuk mengikuti bengkel yang, antara lain bertujuan bagi membolehkan semua peserta bengkel memahami dengan lebih mendalam mengenai mekanisma Penarafan Bandar dari segi alam sekitar, iaitu salah satu pendekatan untuk memilih bakal Penerima Anugerah Bandar Lestari 2005/2005 yang akan dijalankan kelak. Melalui inisiatif ini, diharapkan sikap mesra alam dapat disemaikan dan konsep pembangunan lestari dapat diterapkan.

Objektif utama Anugerah Bandar Lestari diperkenalkan adalah untuk memberi dorongan dan pengiktirafan ke atas mana-mana pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang telah menekankan kepentingan ataupun perkembangan aspek alam sekitar dalam melaksanakan projek-projek dan aktivitinya.

Seperti yang sedia maklum, Anugerah Bandar Lestari ini mula diperkenalkan pada tahun 2003, yang mana pelancarannya telah disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar ketika itu bersempena Hari Alam Sekitar Sedunia pada 5 Jun 2003. Pada peringkat awalnya, sebanyak 6 buah Ibu Negeri telah mengambil bahagian secara sukarela dan pada tahun 2005 Majlis Perbandaran Kuantan telah diiktiraf Bandar Lestari 2003/2004. Memandangkan maklumbalas adalah sangat menggalakkan, program ini telah diperkembangkan dan pada hari ini, saya difahamkan sebanyak 47 buah Pihak Berkuasa tempatan telah bersetuju untuk mengambil bahagian dalam Program Penarafan Bandar Lestari. Mereka ini adalah dibahagikan mengikut 3 kategori iaitu Kategori (1) PBT Ibu Negeri, Kategori (2) Majlis Bandaraya / Majlis Perbandaran dan Kategori (3) Majlis Daerah. Ini menunjukkan satu pencapaian besar yang amat membanggakan sekali. Syabas kepada semua.

Y. Bhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Tujuan utama Program ini diperkenalkan adalah bagi memberikan pengiktirafan kepada pentadbir bandar yang telah mengintegrasikan elemen kelestarian alam sekitar dalam perancangan, pentadbiran dan operasinya selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara. Sebanyak 5 kriteria yang ditekankan dalam proses

pemilihan ini iaitu (i) Persekitaran Fizikal , (ii) Inisiatif Ekologi, (iii) Pentadbiran Alam Sekitar (iv) Perkhidmatan Perbandaran serta (v) Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar. Integrasi kelima-lima elemen tersebut merupakan tunjang ke arah pembentukan sebuah bandar yang lestari di negara ini. Kaedah Penilaian yang dijalankan pula adalah berdasarkan kepada Borang Perolehan Maklumat, Lawatan Panel Penilaian Bebas, Tinjauan Pendapat Awam serta Penilaian ke atas Data Fizikal Alam Sekitar. Seterusnya setelah penarafan bandar ini dibuat, bandar-bandar yang layak akan dicalonkan untuk dipilih sebagai Penerima Anugerah Bandar Lestari.

Hadirin sekalian,

Inisiatif yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama Jabatan Kerajaan Tempatan serta sokongan teknikal daripada pihak LESTARI UKM ini diharapkan dapat membantu menghalang atau sekurang-kurangnya dapat meminimumkan isu-isu alam sekitar yang berkaitan dengan perkhidmatan perbandaran, pelupusan sampah, pengangkutan, kualiti udara dan air, pencemaran bunyi bising, dan sebagainya. Sebagai agensi utama yang menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, Jabatan ini yakin dengan kerjasama semua Pihak Berkuasa Tempatan, alam sekitar kita akan menjadi lebih selamat, sihat, bersih dan sesuai untuk didiami.

Di peringkat ASEAN pula, *Framework for Sustainable City* sedang digubal termasuk strategi dan pelan tindakan. Rangka kerja tersebut akan digunakan

bagi mengatasi cabaran-cabaran ke arah kelestarian alam sekitar di kawasan Bandar dari perspektif "Udara Bersih" (Clean Air), "Air Bersih" (Clean Water) dan "Tanah Bersih" (Clean Land). Inisiatif ini telah dipersetujui pada Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Yang Bertanggungjawab Ke Atas Hal Ehwal Alam Sekitar.

Akhirnya, usaha ini ada menjamin ataupun sekurang-kurangnya membentuk kawasan-kawasan perbandaran dalam konteks urbanisasi yang selamat dan sihat untuk rakyat di rantau Asean. Matlamat ini adalah signifikan kalau dilihat dari segi pembangunan pesat urbanisasi yang dihadapi oleh serantau lain.

Akhir kata, saya mengucapkan berbilang terima kasih di atas bantuan dan sokongan yang telah diberikan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan serta tidak lupa juga kepada pihak Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia di atas segala kerjasama yang diberikan. Terima kasih juga kepada semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung di dalam menjayakan program ini. Lebih penting lagi adalah kehadiran tuan-tuan yang hadir hari ini. Penglihatan tuan-tuan dan organisasi tuan-tuan dalam usaha yang mulia akan menjamin kelestarian hidup dan kelestarian pembangunan kini dan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih. Selamat bercambah fikiran.

**KATA-KATA ALUAN
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR**

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Saya berasa amat gembira atas usaha KESAS menjayakan Majlis Mesra Bersama JAS 2003 pada hari ini. Ini juga pertama kali majlis ini dibuat dengan konsep berbeza iaitu dengan memasukkan konsep 'Malaysia Inc' dimana, satu sesi khas untuk pihak pengurusan JAS bermesra dengan pelanggan telah diadakan. Saya juga amat berbesar hati dan berterima kasih kepada semua pihak khususnya pihak swasta dan NGO yang sudi hadir ke majlis pada hari ini.

Saya berharap semua pihak dapat menganggap usaha ini sebagai sesuatu inisiatif yang positif dimana majlis ini dapat digunakan sebagai satu platform untuk pihak swasta, NGO dan JAS mengenali satu sama lain dengan lebih mesra. Saya harap kemesraan yang terjalin pada hari ini dapat terus disuburkan untuk masa-masa akan datang. Sesungguhnya JAS tidak akan mampu menjadi sebuah Jabatan yang efektif dalam menjaga alam sekitar tanpa sokongan pihak swasta mahu pun NGO.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada KESAS kerana telah berjaya menganjurkan aktiviti ini. Saya berharap agar pihak KESAS akan terus menganjurkan aktiviti-aktiviti lain yang boleh mendatangkan faedah kepada ahli-ahlinya. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Kerja Majlis Mesra Bersama JAS atas daya usaha mereka memastikan majlis ini berjalan lancar walau pun sibuk dengan tugas rasmi masing masing di pejabat. Terima kasih juga keapas semua pihak yang telah menjayakan majlis ini secara langsung dan tidak langsung.

Wasalam,

Puan Hajah Rosnani Ibarahim

Ketua Pengarah Alam Sekitar